

Ulasan Buku/*Book Review*

SUMBANGAN SARJANA DALAM TAMADUN ISLAM

Penulis : Ghazali Darusalam  
 Penerbit : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.  
 56100 Kuala Lumpur, 2001  
 ISBN 967-61-1203-8  
 Pengulas : Mohd. Lazim bin Lawee\*  
 Abdul Rahman Hassan\*\*

Ghazali Darusalam ialah seorang sarjana kelahiran Perak, Malaysia. Beliau adalah seorang penulis yang aktif. Antara buku beliau yang telah diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors ialah “Dinamika Ilmu Dakwah” (1995), “Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah” (1996), “Dakwah Islam dan Ideologi Barat” (1997), “Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia” (1999), “Kursus Tamadun Islam dan Pendidikan Moral” (2000) dan pada 2001 lahirlah sebuah buku yang berjudul “Sumbangan Sarjana Dalam Tamadun Islam” ini. Buku ini kertasnya berukuran B5 mengandungi 367 muka surat. Dalam pembicaraannya penulis membahagikan kepada lapan bab yang merangkumi semua aspek asas tamadun Islam dan dimulai dengan membicarakan tentang gambaran sebenar tamadun menurut konsepsi Islam. Kemudian beliau membincangkan tentang hasil dan pencapaian tamadun Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan ikut dibincang juga tentang kesenian dalam tamadun Islam. Seterusnya, beliau membincangkan tentang hubungan manusia dengan moral dan tamadun, sifat-sifat moral yang berasaskan agama, adat dan undang-undang. Diikuti pula dengan membicarakan tentang masyarakat bermoral sebagai asas pembinaan tamadun, di samping menyatakan tentang masalah-masalah keruntuhan moral dan diakhiri dengan tanggungjawab ejen-ejen sosial dalam menangani gejala sosial.

Ketika membincangkan konsep tamadun, Ghazali menyatakan, terdapat perbezaan yang nyata di antara takrifan tamadun yang diberikan oleh tokoh-tokoh Barat dan Islam. Tamadun dan kebudayaan Barat lebih berlandaskan kepada pemikiran dan akal, sementara tamadun dan kebudayaan Islam adalah berlandaskan wahyu dan sunnah di samping penggunaan akal fikiran yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. Segala bentuk tamadun dan kebudayaan yang

---

\*Ph.D. Falsafah dalam bidang Sains Kemasyarakatan dan Ketamadunan, Pensyarah Program Sarjana Pengajian Islam Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, merangkap Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Islam Yala.

\*\* Pelajar Sarjana Pengajian Islam Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Islam Yala.

bertentangan dengan roh agama Islam tidak akan diterima sebagai tamadun Islam. Ketika membincangkan tentang prinsip tamadun Islam pula, Ghazali menjelaskan, prinsipnya berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah, sesuai dengan tabiat semula jadi manusia, di mana prinsipnya berfungsi bagi memelihara harta benda, jiwa dan nyawa, akal dan pemikiran, maruah dan keturunan, hak dan kebebasan. Manakala asas tamadun Islam pula adalah bersandarkan kepada kalimah tauhid dan pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T serta tunduk patuh kepada syariatNya. Pada dasarnya tamadun Islam berasaskan akidah, takwa dan keluhuran akhlak. Tamadun Islam sebenarnya tidak mengenali perbezaan warna kulit, bahasa, pangkat dan tidak terhad dengan masa dan tempat.

Bagi menjelaskan sumbangan sarjana dalam tamadun Islam, Ghazali menyatakan, ilmu dan sarjana merupakan dua kalimah yang tidak dapat diasingkan dari kamus tamadun. Malah pembentukan tamadun adalah berasas kepada dua aspek berkenaan. Sejarah juga telah membuktikan bahawa sewaktu kemuncaknya sesuatu tamadun terhenti di atas kehadiran para sarjana atau cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan tamadun tersebut. Oleh itu, usaha mencari ilmu dan sentiasa mencipta sesuatu benda untuk kegunaan hidup manusia merupakan amalan yang cukup mulia, kerana pemilikan ilmu dan idea daripada seseorang akan dapat memastikan bahawa dirinya dapat memberikan sumbangan yang paling maksimum dalam proses pembangunan. Penyebaran ilmu yang luas dalam bentuk penghayatan yang menjadi budaya masyarakat amat penting untuk memastikan kelangsungan dan kesinambungan umat dan peradabannya yang perlu dilakukan secara berterusan.

Semua tamadun yang lahir di dunia adalah berasaskan ilmu pengetahuan, termasuklah tamadun Greek dan Rom yang disegani di dunia pada masa lalu dan masih dikenali sehingga kini. Dengan jelas Al-Qur'an dan hadis menyatakan ilmu adalah penting untuk membangunkan umat. Malah terdapat hadis yang menyarankan agar kita umat Islam menuntut ilmu sejak dari buaian sehinggalah ke liang lahad. Islam menganggap bahawa ilmu dan pengetahuan adalah asas kepada pembinaan kebudayaan dan tamadun. Keilmuan dalam tamadun Islam boleh dipecahkan kepada dua aspek; ilmu pengetahuan yang bercorak agama dan ilmu pengetahuan yang bercorak dunia. Ilmu pengetahuan yang bercorak agama ialah jenis ilmu wahyu yang terdiri daripada ilmu ketuhanan, ibadat, muamalat, siasah, sosial dan sebagainya. Manakala ilmu pengetahuan yang bercorak keduniaan pula seperti matematik, sains, falsafah, geografi, sejarah, teknik, psikologi, astronomi, ekonomi dan sebagainya yang diperolehi dengan mudah tanpa bantuan wahyu. Hal ini berlaku kerana ilmu-ilmu ini diserahkan kepada manusia untuk membentuknya. Walau bagaimanapun, usaha mengkaji dan membentuknya hendaklah berteras dan berpaksikan konsep tauhid kerana semua ilmu berpunca daripada milik Allah S.W.T dan

manusia hanya mengetahui sedikit sahaja. Seperti mana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T menerusi firmanNya dalam surah al-Isra', 17: 17 yang bermaksud: *"Tidak Aku berikan ilmu melainkan sedikit sahaja"*.

Dalam hal ini, Ghazali memberikan gambaran bagaimana besarnya jasa, sumbangan dan pencapaian sarjana Islam pada zaman kemuncak kemajuan Islam dalam membina tamadunya yang mencakupi semua bidang, baik dalam bidang keilmuan yang merangkumi ilmu agama dan ilmu dunia, bidang politik, ekonomi, pendidikan, mahupun dalam bidang pentadbiran, sosial dan sebagainya. Selain itu, bidang seni juga dititikberatkan oleh Islam selama mana seni itu tidak bercanggah dengan kesucian Islam.

Dari perspektif yang lain, asas kebahagiaan seseorang dan keharmonian sesebuah masyarakat dan seterusnya negara adalah berteraskan kepada amalan akhlak dan moral. Dua elemen ini telah dimaktubkan dalam sejarah dan agama bahawa jatuh bangunnya sesuatu bangsa dan negara bergantung kepada nilai moral dan akhlaknya. Moral merupakan sesuatu aspek yang berkait rapat dengan tata hukum, tata susila atau tata tertib masyarakat yang diwujudkan di luar diri individu atau beberapa peraturan yang ditetapkan oleh autoriti dalam masyarakat tersebut. Ketika menghuraikan hubungan manusia dengan tamadun, Ghazali menyatakan bahawa konsep tamadun Islam berbeza dengan tamadun Barat. Tamadun Barat konsepnya dikaitkan dengan material dalam bentuk pembangunan, perubahan, kemajuan dan peradaban yang dicapai oleh sesuatu bangsa atau kaum di dunia semata-mata. Sedangkan konsep tamadun Islam bukan sahaja dilihat dari segi materialnya sahaja tetapi mencakupi pembinaan akhlak dan tata susila manusia yang bersifat kualitatif. Ringkasnya, moral merupakan suatu perkara yang sangat penting bagi manusia. Bangun rebahnya satu-satu bangsa terhenti di atas moral.

Menurut Ghazali, moral ada yang sifatnya berdasarkan agama, adat dan undang-undang. Dari sudut agama amat jelas, di mana ajaran Islam meletakkan moral sebagai suatu aspek yang amat penting dalam membentuk kehidupan seseorang individu. Antara sifat-sifat yang dianggap bermoral dari sudut agama seperti merendah diri, jujur, berperikemanusiaan, menjaga kebersihan diri sama ada ruhi dan jasmani, bermaaf-maafan dan bersyukur. Dari segi adat pula tidak dapat dilepaskan daripada kesusilaan dan moral dalam sesebuah masyarakat. Adat yang baik boleh membentuk individu yang bermoral dan berakhlak mulia. Sebaliknya, adat yang buruk akan melahirkan individu yang rendah akhlak dan moralnya. Sementara dari sudut undang-undang pula sama ada undang-undang Allah atau undang-undang manusia yang berlandaskan keadilan adalah bertujuan untuk melahirkan manusia yang bermoral dan untuk menjaga kesejahteraan dan keharmonian sosial, seperti menghormati hak dan keperluan hak

asasi individu, tidak bersikap pilih kasih, hormat kepada raja dan negara dan tidak melanggar undang-undang.

Dalam pandangan Islam, moral dan akhlak merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam pembangunan tamadun Islam, bahkan Allah S.W.T mengutuskan rasulNya adalah demi untuk menyempurnakan akhlak umatnya. Sebaliknya, keruntuhan akhlak merupakan asas kepada keruntuhan tamadun. Keruntuhan akhlak dan moral di kalangan masyarakat khususnya remaja merupakan suatu perkara yang merbahaya dan perlu diatasi segera dan tidak akan berhasil sekiranya tanpa kerjasama daripada semua pihak yang terlibat seperti keluarga, sekolah, penghayatan agama, rakan sebaya, masyarakat dan pemimpin. Ertinya, ejen-ejen sosial seperti yang disebutkan perlu merancang secara bersungguh-sungguh, teliti, serta komited dalam usaha menangani gejala sosial.

Secara umumnya, buku ini berjaya memberi gambaran yang jelas tentang tamadun menurut konsepsi Islam. Buku ini juga cuba menyorot perkembangannya bagi mengenang jasa dan bakti para sarjana Islam di sepanjang sejarah perkembangan Islam. Oleh itu, buku ini perlu dimiliki oleh setiap individu Islam terutamanya para pelajar sebagai bahan bacaan dan rujukan.